

# Adat Perpatih: Konsep dan Lingkungan Maknanya

DIALEK

Oleh Yeop Johari Yaakob

**ADAT** perpatih ialah kosa kata dialek Negeri Sembilan (DNS). Adat dan dialek itu ibarat saudara kembar. Adat perpatih hanya dapat difahami hingga ke akar umbinya dengan mengetahui dan memahami DNS.

Dalam masyarakat adat perpatih, *budi* adalah nilai yang utama. Hampir semua unsur adat perpatih berhubungan dengan budi. Nilai-nilai masyarakat itu, iaitu tanggapan, fikiran, dan konsep tentang sesuatu terhimpun dalam perbilangan. Asas kehidupan masyarakat desa terdapat dalam perbilangan seperti yang berikut:

*"Idop dikandung adat,  
mati dikandung tanah."*

Tentang budi pula terdapat perbilangan:

*"Ati gajah samo dilapah,  
ati kuman samo dicocah."*

*"Sojamban sopolangan,  
sopigi sopomandian."*

Malah persetujuan kaum lelaki akan tanah pusaka itu hak perempuan adalah budi. Budi boleh disumbangkan melalui benda/materi (*ati gajah samo dilapah*; tulang *urek*/tenaga (berat sama dipikul); budi *baso*/pekerti (yang *tuo* dimuliakan, yang *mudo* dikasihi), *samo bosa* (hormat-menghormat); bahasa (yang kurik kundi, yang merah *sago*, yang baik budi, yang indah *bahaso*).

Perbilangan lain yang merupakan manifestasi budi itu adalah:

*"Utang omeh boleh dibaya,  
utang budi dibawa mati."*

*"Anco bodan dikandung tanah,  
budi yang baik dikonang juo."*

Dalam adat perpatih, kaum wanita disebut *bundo kandong* adalah yang melahirkan anggota masyarakat. Kaum perempuanlah yang menentukan kualiti generasi akan datang. Baik buruk anak bergantung kepada ibu. Hakikat ini terdapat dalam perbilang:

*"Kalau ae koroh di ulu,  
sampai ke ilir koroh-e."*

Individu dalam masyarakat adat perpatih tidak dapat dipisahkan seperti kata perbilang:

*"Tercecang paur,  
tergerak andilah."*

(*Paur* ialah sejenis pokok di hutan, *andilah* ialah sejenis akar yang selalu meliliti pokok paur itu). Kalau paur dipancang, andilah turut berasa akibatnya.

Adat perpatih merupakan satu sistem kemasyarakatan yang lengkap. Selain sistem nilai tersendiri, dalam sistem itu terdapat sistem-sistem kekeluargaan,

sistem politik, sistem ekonomi, sistem hukum, dan sistem perlapisan.

Pokok sistem kekeluargaan terdapat dalam perbidalan:

*"bosuku bowareh  
jauh ado, dokek pun ado  
kalau jauh donga-donga  
kalau dokek, pandang-pandangan."*

Pokok sistem politik terdapat dalam perbidalan:

*"Rajo bonobat dalam alam-e  
Pongulu bonobat dalam luak-e  
Lombago bonobat dalam lingkong-e  
bopak bonobat pada anak buah-e  
orang biaso bonobat dalam rumah-e."*

Pemimpin politik tradisional yang tertinggi ialah Yang Dipertuan Besar (Yam Tuan). Dalam perlembagaan adat baginda dianggap sebagai "keadilan".

Dari satu segi adat perpatih ialah hukum bermasyarakat, bernegeri. Satu cara hidup yang menyeluruh. Adat merupakan peraturan/hukum hidup bermasyarakat. Peraturan hidup ini menyarankan cara-cara yang sesuai dalam melakukan sesuatu agar masyarakat dapat bergerak lancar dan tenteram.

Hakikat bahawa adat itu ialah hukum

ternyata dalam ungkapan yang lazim digunakan untuk mengemukakan pendapat dan sebagainya. Peraturan hidup ini terkandung dalam perbidalan adat "*ngikut adat*", "*ngikut hukum adat*", "*pada pendapat adat*". Perbilang adat terkenal sebagai *kato pesako*. Asas hukum dalam adat perpatih yang menegakkan keadilan adalah:

*"Rajo sokoadilan  
Pengulu soundang  
Tali pengikek dari lombago  
Koreh penyangang dari Undang  
Podang pemancong dari  
koadilan."*

Adat perpatih berasaskan kekeluargaan. *Perut* dan *suku* ialah unit kekeluargaan. Dalam masyarakat kekeluargaan yang begini, penggantian terpaksa dilihat daripada status. Semua status adalah askriptif, iaitu memang sudah ada pada seseorang itu berdasarkan sisilah ini. Tidak ada interaksi yang horizontal kecuali antara anggota yang sebaya yang berlainan suku. Tiap-tiap *salah kata* dan *nada bergurau* akan ditafsirkan sebagai *tidak tau adat*. Hal ini ternyata dalam perbilang:

*"Yang tua dimuliakan  
yang muda dikasihi  
sama sebaya ajak berpakat."*

Masyarakat adat perpatih ini terdiri daripada lima lapis. Di bawah sekali lapis **anak buah** "anggota masyarakat". Setingkat ke atas **buapak** (*bopak*), iaitu ketua anak buah yang terbahagi dalam suku-suku dalam satu luak (daerah adat). Di atas buapak berdiri **lombago**. Seluruh **buapak** merupakan anggota **Lembaga** dalam sesebuah luak (daerah adat). Di atas lembaga berdiri **Undang Luak** atau **Penghulu Luak**. Di atasnya Raja, bergelar **Yang Dipertuan Besar** atau Yam Tuan Besar. ■

